



PROJEK IMPIANA SKY RESIDENSI, BUKIT JALIL DI BAWAH SKIM MYHOME SEDIA UNTUK DIDIAMI

Pada 11 Okt 2021, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican meninjau Projek Impiana Sky Residensi Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan seterusnya merasmikan surau di pangsapuri tersebut.. Projek Impiana Sky Residensi Bukit Jalil ini merupakan salah satu daripada 121 buah projek di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) yang diperkenalkan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi membantu Keluarga Malaysia memiliki kediaman pertama dengan insentif sebanyak RM30,000 seunit.



Sebanyak 9,420 unit rumah di bawah Skim MyHome telah dibina di seluruh Malaysia dengan 7,248 orang pembeli telah menerima manfaat insentif MyHome ini. Selain itu, Pembangunan Projek Impiana Sky Residensi, Bukit Jalil ini juga merupakan salah satu projek di bawah Skim MyHome. Ia mempunyai 508 unit pangsapuri dengan ruang keluasan 850 kaki persegi dengan dilengkapi 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Kemudahan-kemudahan guna sama yang disediakan termasuklah podium tempat letak kereta berbumbung, dewan serbaguna, tadika, surau, pejabat pengurusan, ruang kedai, taman permainan kanak-kanak dan rumah pengawal serta pelbagai kemudahan lain.



Melalui subsidi RM30,000 yang diberikan oleh Kerajaan melalui MyHome, kediaman ini dapat dimiliki oleh pembeli rumah pertama yang layak pada harga belian RM270,000 seunit iaitu di bawah harga pasaran. Pembeli juga tidak perlu membayar deposit 10% daripada harga rumah kerana ia telah dimasukkan dalam insentif subsidi RM30,000 tersebut. Projek Pangsapuri Impiana Sky Residensi ini telah memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) pada 10 September 2021 di mana notis Pemilikan Kosong telah dikeluarkan bermula 24 September 2021. Penyerahan kunci dengan temu janji mula dilaksanakan mulai 12 Oktober 2021 selaras dengan pematuhan *Standard Operating Procedure (SOP)* Majlis Keselamatan Negara. Penyerahan kunci dijangka selesai sepenuhnya kepada semua pemilik pada 30 November 2021.



Sehubungan itu, KPKT juga akan terus memfokuskan kepada matlamat menyediakan perumahan yang selesa untuk Keluarga Malaysia yang merupakan agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui gagasan YB Menteri iaitu “Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni”. Ia selari dengan

aspirasi dan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan perumahan yang selesa dan mampu milik untuk rakyat.